

Institusi Mut'ah: Satu Penilaian

Raihanah Haji Abdullah*

Latar belakang ¹

Pada prinsipnya konflik antara Mazhab Ahli as-Sunnah wa al-Jamaah dengan Mazhab Syiah banyak berkisar soal politik. Ia berpunca daripada permasalahan khalifah selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Pergeseran ini kemudiannya telah menular kepada masalah interpretasi ayat al-Quran, pemahaman beberapa hukum Fiqh, juga penggunaan pelbagai kaedah *Usul Fiqh*. Paling menonjol sekali ialah dalam persoalan *Mut'ah*, suatu perkahwinan yang masih dipraktikkan oleh golongan Syiah hingga kini. Bagi golongan Sunni, hubungan seksual hanya dibenarkan atas dua sebab, pertamanya nikah dan keduanya penguasaan atau pemilikan tuan ke atas hamba perempuannya. Sebaliknya golongan Syiah Imamiah terutamanya, mengiktiraf hubungan seksual yang ketiga iaitu melalui ikatan mut'ah.² Persoalan ini sentiasa mendapat kritikan daripada golongan Ahli as-Sunnah wa al-Jamaah.

Mengikut sejarah, ikatan mut'ah kini adalah lanjutan amalan orang Arab jahiliyyah pada zaman sebelum kedatangan Islam.³ Golongan Sunni tidak menafikan berlakunya amalan itu pada permulaan Islam hingga pada kurun ketujuh Hijrah apabila Khalifah Umar telah mengisytiharkan pengharaman ikatan seperti Mut'ah dan

*Pensyarah di Fakulti Syariah Universiti Malaya.

menyamakannya dengan perzinaan.⁴

Pada zaman Rasulullah s.a.w., amalan ini diharuskan tetapi beberapa kali diharamkan dalam peristiwa yang berlainan, iaitu semasa peperangan Khaibar, di Tabuk, pada hari pembukaan Makkah, pada tahun pembukaan Makkah, semasa 'Umrah al-Qada' dan akhirnya pada *Haji al-Wida'*.⁵

Bagi golongan Sunni, perubahan halal haram ini disebabkan oleh keadaan masyarakat pada masa itu yang sedang melalui proses peralihan daripada keadaan jahiliyyah kepada keadaan Islam. Pada pandangan mereka perkahwinan mut'ah di awal Islam dikaitkan dengan situasi gawat umpamanya peperangan, urusan perniagaan yang jauh dan mengerjakan haji.⁶ Ekoran daripada perisytiharan yang dibuat oleh Khalifah Umar berserta hukumannya, meskipun ikatan mut'ah masih tetap diteruskan tetapi hanya popular di kalangan pengikut Syiah terutama Syiah Imamiah. Bagaimanapun amalah tersebut diberi galakan sepenuhnya oleh sesetengah ulama Syiah sehinggakan seorang ahli teologi Syiah *al-Hurr al-Amili* ada mengatakan "Seorang mukmin itu tidak akan sempurna melainkan dia telah merasai pengalaman bermut'ah".⁷

Konsep

Perkataan 'mut'ah' secara literalnya bermaksud berseronok dan bergembira (*enjoyment and pleasure*).⁸ Manakala sebagai suatu istilah ia bermaksud suatu bentuk ikatan perkahwinan yang dinyatakan tempohnya.⁹ Mengikut golongan Syiah, perkataan mut'ah terdapat di dalam al-Quran, *surah an-Nisa'* ayat 24. Perkataan '*istimta'*' dalam ayat tersebut membawa erti ni'mati, merupakan dalil yang kuat kesahihan mut'ah. Walau bagaimanapun golongan Sunni mengatakan ayat tersebut telah '*di-nasakhkan*' oleh ayat 5 dan 6 *surah al-Mu'minun*. Di samping itu kedua-dua golongan mengutarakan dalil daripada autoriti hadis berkaitan dengan persoalan ini.¹⁰

Umumnya perkataan mut'ah lebih kerap digunakan oleh fuqaha di dalam kitab Fiqh terutamanya di dalam bab an-Nikah. Nyatanya di dalam perbincangan buku-buku Fiqh Sunni mereka bersepakat bahawa aqad mut'ah adalah terbatal. Hal ini disebabkan oleh Fuqaha Sunni hanya menerima aqad perkahwinan yang tidak tertakluk dengan masa.¹¹ Dalam erti kata yang lain tempoh atau masa tertentu tidak dihadkan semasa aqad perkahwinan itu dilafazkan. Sedangkan dalam mut'ah, tempoh tertentu semasa aqad penting untuk membezakan sesuatu aqad itu menjadi nikah ataupun mut'ah. Selain daripada itu perkataan '*Nikah al-Mu'qqat*' sering juga digunakan sebagai makna nikah al-mut'ah¹² sekalipun Zufar (dalam Mazhab Hanafi) membezakan kedua-dua istilah tersebut.¹³ Manakala dalam Bahasa Inggeris perkahwinan seperti itu sering juga diterjemahkan sebagai '*Temporary Marriage*'¹⁴ sementara nikah biasa pula disebut sebagai '*Permanent Marriage*'.¹⁵

Manakala di dalam bahasa Parsi ia disebut '*Sigheh*' dan di kalangan orang Melayu lazimnya dipanggil '*kahwin kontrak*'. Tanpa mengambil kira nama yang diberi, perkahwinan tersebut mengandungi tiga syarat utama untuk menjadikan ia sebagai perkahwinan mut'ah. Pertama *Ijab* (offer) dan *Qabul* (acceptance). Kedua, mahar yang telah ditetapkan dan ketiganya tempoh perkahwinan itu

dihadkan sama ada untuk sejam, sehari, sebulan, setahun mahupun seratus tahun.

Syarat yang pertama, mut'ah sebagaimana nikah biasa juga adalah syarat pertama, mut'ah sebagaimana nikah biasa juga adalah sebuah kontrak yang memerlukan ijab (declaration) daripada pihak perempuan dan qabul (acceptance) daripada pihak lelaki. Mereka yang akan membuat ijab dan qabul mestilah terdiri daripada "*ahlu al-`aqd*" (orang yang layak untuk beraqad). Oleh itu sama ada perempuan atau lelaki tersebut yang akan melakukan aqad atau wakilnya mahupun dengan "*ahlu al-Kitab*" (people of the Book) tetapi tidak kepada mereka yang menganut agama lain. Sebaliknya seorang wanita hanya dibolehkan bermut'ah dengan lelaki Muslim sahaja dan tidak selain daripadanya. Adalah suatu perkara yang keji sekiranya seorang lelaki ingin bermut'ah dengan seorang gadis. Hal ini berasaskan kata-kata Imam mereka Ja'far as-Sadiq, "Suatu perbuatan yang keji bermut'ah dengan anak dara kerana ia boleh memalukan keluarga perempuan itu sendiri."¹⁶

Syarat yang kedua, iaitu pemberian mahar sama ada dalam bentuk wang mahupun barangan. Pemberian mahar adalah hak mutlak wanita dalam ikatan mut'ah. Dalam erti kata lain sekalipun tidak berlaku hubungan jenis dalam aqad mut'ah berkenaan, wanita mut'ah itu tetap menerima mahar daripada pasangannya. Bandingannya samalah dengan seseorang itu telah bersetuju untuk menyewa sesebuah rumah tetapi tidak mendiaminya maka dia tetap membayar sewa rumah tersebut. Bagaimanapun dalam keadaan sedemikian, wanita tersebut hanya menerima setengah daripada bayaran maharnya kerana tempoh kontrak mut'ah tanpa hubungan jenis.¹⁷

Syarat yang ketiga ialah penentuan tempoh ikatan mut'ah tersebut. Syarat ini merupakan syarat yang penting dalam mut'ah yang ternyata menjadi asas perbezaan antara mut'ah dan nikah. Tanpa syarat ini ikatan mut'ah berkenaan terbatal. Sebaliknya dengan adanya penentuan ini sesuatu aqad nikah akan terbatal. Bagaimanapun menurut Zufar, perkahwinan dengan ketentuan masa ini sah dan yang terbatal hanyalah syarat masa tersebut.¹⁸ Hal ini bermakna tempoh masa dalam aqad nikah tidak akan membatalkan perkahwinan tersebut. Pandangan ini dipersetujui oleh Hasan b. Ziyad, beliau menyatakan sekiranya tempoh tersebut pada adatnya mustahil manusia akan hidup sebagai contohnya seratus atau dua ratus tahun maka aqad itu sah.¹⁹ Hal ini kerana terdapat tendensi ke arah berkekalannya perkahwinan itu sebagaimana nikah biasa. Tempoh yang ditetapkan di dalam mut'ah adalah berbeza-beza. Ada yang menghadkan untuk beberapa jam, hari, bulan mahupun tahun mengikut kepentingan masing-masing. Oleh kerana ikatan mut'ah ini dikaitkan dengan tempoh tertentu, maka ada sesetengah penulis menyamakannya dengan aqad sewa.²⁰ Mereka ini melihat dari segi struktur sewa dan mut'ah yang mempunyai ciri-ciri persamaan.

Dalam aqad sewa, seseorang itu mendapat hak manfaat ke atas sesuatu benda yang dimiliki oleh orang lain (*usufruct*) dengan kadar dan tempoh tertentu. Maka, seorang perempuan mut'ah dianggap sebagai objek sewa tersebut sementara kepuasan seksualnya sebagai '*usufruct*'. Walau bagaimanapun, ikatan mut'ah itu sendiri tidak boleh digambarkan sebagai satu 'penyewaan perempuan' kerana ini akan membawa kepada pengertian pelacuran yang ternyata berbeza.

Pengembangan zuriat (*procreation*), penghalalan pergaulan antara lelaki dan perempuan, perjanjian kepada tanggungjawab bersama dan perkongsian hidup merupakan objektif utama sesuatu perkahwinan (nikah).²¹ Sebaliknya tujuan perkahwinan mut'ah hanyalah untuk mendapat kepuasan seksual dan untuk mendapat ganjaran material (mahal) tanpa ada sebarang perlakuan seksual. Dengan kata lain pasangan mut'ah boleh menikmati dan bergembira antara satu sama lain dengan apa cara sekalipun tanpa mengadakan hubungan seksual. Hal ini boleh berlaku dalam dua keadaan iaitu sama ada kedua-keduanya membuat perjanjian aqad mut'ah ketidakwujudan hubungan seksual (*non-sexual co-existence*) atau perempuan tersebut hanya ingin menerima upah daripada perkahwinan tersebut.

Dalam ikatan mut'ah, yang diperlukan hanyalah keredhaan pihak perempuan tanpa memerlukan campurtangan keluarganya. Hal ini kerana ia merupakan sebuah kontrak individu sepenuhnya (*purely personal contract*).²² Maka, kehadiran wali tidak diperlukan apatah lagi saksi dalam per-kahwinan itu. Hal ini disebabkan oleh konsep mut'ah yang tidak memerlukan perisytiharan umum. Bagi nikah, kewujudan saksi bukan sahaja untuk mengesahkan perkahwinan tersebut tetapi sebagai satu elemen yang dapat membantu serta melindungi isteri-isteri terutamanya dalam masalah perwarisan, tuduhan zina dan juga tuntutan nafqah. Dengan kata lain, kehadiran saksi boleh berfungsi bagi tujuan yang sama dengan pendaftaran perkahwinan dan perceraian yang telah diperuntukkan ke dalam beberapa undang-undang keluarga Islam di dunia kini sebagai mengemaskinikan lagi pengurusan perkahwinan dan perceraian.²³ Sekalipun saksi tidak diperlukan di dalam mut'ah, namun kehadirannya digalakkan demi menjaga kemaslahatan anak-anak yang dilahirkan daripada perkahwinan mut'ah terutamanya apabila menyelesaikan persoalan perwarisan.

Anak-anak yang dilahirkan daripada ikatan mut'ah adalah sah malah mereka boleh mewarisi harta ibu dan bapa mut'ah mereka. Golongan Syiah mendakwa, sistem patriaki (sistem baka kebapaan) terpakai dalam mut'ah berasaskan kaedah Fiqh "*al-Waladu li al-Firash*"²⁴ (Anak itu adalah daripada yang di atas katil). Hal ini menunjukkan bahawa anak yang dilahirkan daripada mana-mana ikatan perkahwinan termasuk mut'ah adalah keturunan bapanya yang sah dan dengan itu mendapat semua hak sebagai seorang anak.²⁵ Jika bapa mut'ah tersebut ingin menafikan anak yang dilahirkan itu daripada keturunannya, kaedah *li'san* (sworn allegation) tidak diperlukan. Berdasarkan persamaan kaedah tentang anak dalam kedua-dua mut'ah dan nikah ini, golongan Syiah dengan lantangnyanya mengatakan bahawa mut'ah adalah suatu bentuk perkahwinan sekalipun fungsinya adalah semata-mata untuk kepuasan nafsu.

Al-Quran membenarkan seorang suami bernikah dengan empat orang isteri serentak (*simultaneously*) dengan syarat dia mampu menanggung mereka dari segi kewangan dan juga berlaku adil dan saksama antara mereka.²⁶ Sebaliknya seorang lelaki mut'ah dibenarkan membuat seberapa banyak ikatan mut'ah serentak ataupun bersiri (*serially*) tanpa sebarang tuntutan keadilan antara isteri-isteri mut'ah tersebut. Walau bagaimanapun seorang isteri mut'ah hanya dibenarkan memiliki seorang lelaki mut'ah dalam satu masa sebagaimana dalam mikah. Setelah tamatnya tempoh ikatan mut'ah, isteri mut'ah tersebut boleh memilih mana-mana lelaki yang lain untuk

membuat ikatan mut'ah yang baru. Sebagaimana nikah, peraturan "iddah" juga terpakai dalam ikatan mut'ah. Cuma tempohnya yang berbeza iaitu 45 hari sahaja sebagaimana `iddah bagi perhubungan seksual hamba dan tuannya. Bagi nikah, iddah isteri-isteri yang di-tinggalkan suami boleh dirumuskan seperti berikut:²⁷

- Pertama: Bagi isteri-isteri yang mempunyai pusingan haid yang normal maka `iddahnya adalah tiga kali edaran haid.
- Kedua: Bagi mereka yang pusingan haidnya tidak normal, maka `iddahnya adalah tiga bulan.
- Keempat: Bagi perempuan yang hamil, `iddahnya adalah dengan kelahiran anak tersebut.
- Kelima: Bagi perempuan yang kematian suaminya, maka `iddahnya 4 bulan 10 hari.
- Keenam: Bagi kanak-kanak perempuan yang belum baligh, `iddahnya adalah tiga bulan.

Antara tujuan `iddah ini dilaksanakan adalah untuk menentukan paterniti anak yang bakal dilahirkan bagi mengelakkan daripada berlaku kekeliruan keturunan.

Begitu juga memberi masa untuk perkabungan bagi isteri yang kematian suaminya dan tempoh untuk perdamaian (conciliation) setelah isteri itu diceraikan. Bagi ikatan mut'ah, `iddah diperlukan hanya memenuhi tujuan yang pertama tidak yang kedua dan ketiga. Sebab itu, bagi perempuan mut'ah yang telah putus haidnya tidak perlu melalui `iddah kerana mereka ini secara tabi'inya tidak dapat melahirkan anak lagi. Begitu juga untuk tujuan perdamaian tidak mungkin berlaku kerana insiden perceraian di dalam mut'ah adalah mustahil. Pembubaran ikatan mut'ah sama sekali berbeza dengan pembubaran ikatan nikah, kerana ikatan mut'ah tidak mengandungi Talaq, sama ada Talaq Raj'i (revocable Talaq) mahupun Talaq Ba'in (irrevocable Talaq). Sebab itu apa yang dinamakan rujuk kembali tidak wujud dalam peraturan mut'ah. Sebaliknya seorang suami mut'ah jika ingin berbuat demikian, perlu memulakan kontrak yang baru dengan mahar yang baru juga. Dengan kata lain, ikatan mut'ah terubur dengan tamatnya tempoh kontrak mut'ah tersebut.

Antara yang memalangkan isteri-isteri mut'ah ialah penafian hak untuk mendapat nafqah dari suami mut'ahnya.²⁸ Terpulanglah kepada perempuan mut'ah tersebut untuk menyara hidupnya tanpa mendapat sebarang bantuan daripada pasangan mut'ahnya. Begitu juga dalam tempoh `iddah perempuan tersebut tidak berhak menerima nafqah, bantuan kewangan dan apatah lagi bayaran saguhati, sekalipun mereka itu hamil. Keadaan ini sama sekali asing dan bertentangan dengan objektif nikah yang meletakkan tanggungjawab suami menyediakan nafqah yang termasuk pakaian, makanan, tempat tinggal dan perkhidmatan yang asasi seperti perkhidmatan doktor sebagai perkara tunjang dalam perkahwinan. Malah syarak juga telah memperuntukkan beberapa hak kewangan kepada isteri-isteri yang telah diceraikan. Ini termasuklah nafqah semasa `iddahnya, bayaran mut'ah (saguhati) juga harta sepencarian (seperti di Malaysia). Bukan setakat itu sahaja, bahkan Bayt al-Mal berperanan dalam menyediakan beberapa bantuan asasi dan kewangan kepada isteri-isteri yang tidak mampu menyara hidupnya setelah tamat tempoh `iddah. Kesemua ini

untuk menaikkan taraf wanita, terutama isteri-isteri supaya tidak diperlakukan sebagai hamba sahaja. Tambahan pula dengan diperuntukkan beberapa bantuan kewangan dapat mengelakkan daripada berlaku perbuatan yang tidak diinginkan seperti pelacuran yang menjadi penyakit masyarakat. Bahkan lebih dari itu Syari'at Islam sebenarnya menjaga kepentingan individu yang dirasakan tersempit hidupnya.²⁹ Selain daripada penafian nafqah, kedua-dua pasangan mut'ah tidak layak mewarisi harta masing-masing. Walaupun hak tersebut boleh dicipta dan dinyatakan semasa aqad mut'ah namun mengikut Kod Sivil Iran, Perkara 940 memperuntukkan bahawa syarat-syarat sedemikian adalah terbatal.

Dalam memperkatakan tentang nafqah material, wujud juga apa yang dinamakan sebagai nafqah non-material iaitu secara khususnya hak untuk mendapat hubungan seksual. Bagi seorang isteri dalam nikah, mereka wajib diberi hak persetubuhan sekali dalam masa empat bulan dalam kes suami meninggalkan isteri tanpa sebab. Sekiranya suami gagal berbuat demikian, isteri dibenarkan membuat tuntutan fasakh di mahkamah. Begitu juga hak bermalam yang seadil mungkin bagi suami yang berpoligami. Tetapi hak ini dinafikan dalam mut'ah sekalipun tujuan utama aqad mut'ah adalah kepuasan seks, isteri mut'ah tidak mempunyai hak tersebut. Terpulanglah kepada suami mut'ah tersebut untuk mendatangnya sama ada seketika mahupun selamanya dalam tempoh kontrak mut'ah tersebut. Apa yang pastinya, hak untuk mendapat hubungan seksual begitu mutlak bagi suami mut'ah. Ini bermakna apabila suami mut'ah itu berhajat untuk mendatangnya, isteri mut'ah wajib bersedia pada ketika itu. Ketiadaannya hanyalah dikira sebagai berdosa tetapi tidaklah menjadi nusyuz. Sebab itu, dalam mut'ah, ketaatan kepada suami serta keizinan daripadanya tidak diperlukan sama sekali. Isteri mut'ah mendapat kebebasan yang total dalam erti kata tidak terikat dengan suaminya. Sebaliknya ketaatan isteri dalam nikah adalah wajib. Kegelinciran daripada ketaatan membawa kepada nusyuz (derhaka). Al-Quran Surah an-Nisa' ayat 34 telah memberikan panduan dan tatacara bagaimana harus memperlakukan kepada isteri-isteri yang nusyuz.

Pertama: Hendaklah didahului dengan beberapa nasihat.

Kedua: Sekiranya masih tidak berjaya, maka pisahkanlah diri dari tempat tidurnya.

Ketiga: Langkah yang terakhir barulah dipukul isteri yang tetap nusyuz itu. Walau bagaimanapun fuqaha' telah bersepakat bahawa perbuatan memukul ini hanyalah di tempat-tempat yang tidak sensitif dan sama sekali tidak memudaratkannya.

Ikatan mut'ah ini telah dianggap oleh sesetengah penulis sebagai satu pelacuran.³⁰ Seolah-olah Islam itu sendiri telah menghalalkan pelacuran melalui tatacara ikatan mut'ah. Apa yang nyatanya mut'ah tidak boleh disamakan dengan pelacuran mahupun pergundikan sekalipun sekilas pandang terdapat persamaan yang ketara. Perbezaan asas antara mut'ah dan pelacuran terletak pada hakikat bahawa anak yang dilahirkan daripada ikatan mut'ah adalah sah mengikut Fiqh Syiah sekurang-kurangnya.³¹ Manakala anak yang dilahirkan daripada pelacuran adalah muktamad tidak sah. Peraturan 'iddah terpakai dalam mut'ah, sebaliknya peraturan ini dinafikan

dalam pelacuran. Ini kerana seorang isteri mut'ah tidak dibenarkan mengadakan ikatan mut'ah dengan lelaki lain dalam tempoh mut'ahnya. Wanita tersebut harus melalui peraturan 'iddah terlebih dahulu. Keadaan ini sama sekali tidak berlaku dalam pelacuran memandangkan seorang wanita lacur boleh menerima seberapa banyak pelanggannya serta mengadakan hubungan seksual dalam satu masa. Begitu juga apa yang telah diperuntukkan dalam al-Quran berkaitan dengan Hudud adalah perzinaan ataupun pelacuran. As-Sayuti di dalam bukunya al-Ashbah wa an-Nazair³² menerangkan "*ash-Shubhat*" dalam Kaedah Fiqh "*al-Hudud Tasqutu bi ash-Shubhat*" (Hukuman Hudud tergugur dengan kewujudan *Shubhat*). *Shubhat bi al-Fi'li*"; iaitu berlaku shubhat pada perbuatan seperti seorang suami bersetubuh dengan seorang perempuan yang disangka isterinya.

Kedua: "*ash-Shubhat fi al-Mahal*"; iaitu berlaku Shubhat pada tempat.

Ketiga: "*ash-Shubhat fi al-Mahal*"; iaitu berlaku Shubhat pada dalil-dalil. Dalam erti kata sesuatu perkara itu dibenarkan oleh sesuatu kaum tetapi diharamkan oleh kaum lain. Seperti ikatan mut'ah yang ternyata dibenarkan oleh golongan Syiah dan diharamkan oleh golongan Sunni.

Apa yang dapat diperkatakan berhubung dengan rumusan as-Sayuti ini ialah jika terdapat seseorang melakukan ikatan mut'ah, maka pasangan itu hanya dikenakan hukuman ta'zir memandangkan hukuman Hudud digugurkan oleh sebab kewujudan shubhat. Di sini shubhat yang dimaksudkan termasuk di dalam kategori yang ketiga. Ini bermakna bahawa ikatan mut'ah itu tidaklah sama dengan perzinaan mahupun pelacuran. Juga penggunaan istilah 'Pelacuran yang halal' (legal prostitution) sebagai satu istilah juga janggal kerana pelacuran memang sifatnya menurut hawa nafsu tanpa sebarang peraturan, menyalahi etika kemasyarakatan dan tidak berakhlak (corruption). Ia tidak sepatutnya disinonimkan dengan ikatan mut'ah yang penuh dengan peraturannya yang didakwa oleh shiah sebagai halal.

Ulama bersepakat bahawa ikatan mut'ah itu bukanlah suatu bentuk perkahwinan atau nikah³³ sekalipun Ulama Syiah dengan tegasnya menyamakan kedua-keduanya. Pada hakikatnya ikatan mut'ah mempunyai suatu pengertian dan falsafahnya yang tersendiri yang sama sekali berbeza dengan nikah. Hal ini memandangkan sekiranya mut'ah disamakan dengan nikah, pasti beberapa konsekuensi pernikahan harus dilaksanakan sebagaimana telah dinyatakan sebelum ini. Malah lebih dari itu, istilah nikah mut'ah sebaiknya dielakkan penggunaannya. Hal ini disebabkan nikah adalah Nikah dan mut'ah adalah Mut'ah sekalipun dalam bahasa Malaysia, Mut'ah kadangkala disebut perkahwinan Mut'ah. Tidak semestinya terjemahan Nikah itu bermakna perkahwinan malah lebih mendalam lagi. Oleh itu, ada baiknya digunakan perkataan ikatan Mut'ah bagi mengelakkan daripada berlaku kekeliruan.

Bagi golongan Syiah, mereka tetap dengan pendirian mereka tentang kesahan Institusi Mut'ah tersebut. Bahkan ada yang menyatakan bahawa pendirian mereka dengan kesahihan mut'ah kerana didorong oleh unsur-unsur politik. Memandangkan tindakan provokasi Sayidina Umar mengharamkan ikatan tersebut membuatkan mereka tetap dengan keputusan menghalalkan institusi tersebut. Sebaliknya ada

sesetengah berpendapat bahawa keputusan mereka bukan berasaskan sebab-sebab politik ataupun kerana mereka memang suka kepada institusi tersebut tetapi semata-mata didorong oleh keinginan untuk mengekalkan suatu perlakuan yang memang telah disyariatkan oleh Allah s.w.t di dalam al-Quran. Hal ini menunjukkan bahawa pendirian mereka bukan semata-mata kerana ingin menentang suatu keputusan yang telah dibuat oleh Sayidina Umar tetapi kerana mereka mempunyai satu interpretasi yang berbeza terhadap al-Quran. Contohnya, dalam persoalan perwarisan, terutama yang berkaitan dengan kes yang dinamakan "*Umariyyatan*" dan juga "*al-Himariyyah*", iaitu penyelesaiannya yang dibuat oleh Sayidina Umar sendiri telah tidak dipersetujui oleh golongan Syiah. Keputusan golongan Syiah ini berdasarkan beberapa ayat al-Quran yang berkaitan dengan kes tersebut.³⁴

Daripada apa yang telah dinyatakan, difahami bahawa ikatan mut'ah ini adalah sah di sisi golongan Syiah Imamah sahaja, tidak Ismaili mahupun Zaiyidi.³⁵ Hal ini menunjukkan bahawa institusi tersebut masih mendapat sokongan segelintir masyarakat Islam. Walau bagaimanapun, secara praktikalnya, ikatan mut'ah ini sukar untuk dilihat memandangkan mereka lebih gemar mengadakan suatu ikatan yang sempurna iaitu pernikahan. Tambahan pula, bagi sesetengah wanita mereka menganggap bahawa status perempuan mut'ah itu tidak ubah seperti seorang hamba perempuan. Ini memandangkan perempuan mut'ah tidak boleh, malah mustahil menjadi salah seorang dari empat orang perempuan yang dibenarkan bagi seorang suami untuk berkahwin. Bagaimanapun, mereka mempunyai kebebasan dan autonomi yang mutlak, tidak terikat dengan suami mut'ah mereka. Mereka bebas membuat sebarang keputusan atau apa sahaja. Walau bagaimanapun apa yang pastinya, ikatan mut'ah ini memberi lebih kepentingan kepada kaum maskulin tanpa memikirkan hak-hak feminin. Dengan itu akan wujudlah sekali lagi apa yang dinamakan sebagai caivinisme lelaki.

Jadual Perbandingan Antara Nikah Dan Mut'ah

Perkara	Nikah	Mut'ah
1. Bilangan isteri	Tidak lebih dari empat	Tidak terhad
2. Perwalian	Diperlukan	Tidak diperlukan
3. Saksi	Diperlukan	Tidak diperlukan
4. Pewarisan	Mewarisi	Tidak mewarisi
5. Perceraian	Dengan talak	Tamat tempoh Kontrak
6. Iddah	3 bulan	45 hari

7.	Nafqah	Wajib	Tidak wajib
8.	Anak	Sah	Sah
9.	Penafian Paterniti	Wajib	Tidak wajib
10.	Pembaharuan kontrak berkahwin dengan pasangan yang sama	Wajib	Tidak wajib
11.	Hak untuk mendapat nafkah batin	Terpakai	Tidak terpakai
12.	Bilangan suami	seorang dalam satu masa	seorang dalam satu masa
13.	Objektif	Zuriat, hubungan jenis, tanggungjawab bersama	Hubungan jenis dan upah

Nota Kaki

1. Perlataaam Mut'ah di sini bermaksud perkahwinan Mut'ah bukannya pemberian saguhati (consolotary gift) daripada suami yang telah menceraikan isterinya.
2. Coulson N.J., *A History of Islamic Law*, Edinburgh: University Press, 1964, m.s. 110
3. W.Robertson smith, *Kinship and Marriage in Early Arabia*, Boston: Beacon Press, 1903, m.s. 85.
4. Lihat Sarakhisi, *Kitab al-Mabsut*, juzuk 5, m.s. 152; *Encyclopedia of Islam* m.s. 775; D.S Donaldson, 'Temporary Marriage in Iran' dalam *Muslim World*, 1936, m.s. 361.
5. Abu Zuhrah, *Muhadarat fi 'Aqdu az-Ziwaj wa Atharuhu*, Maahad ad-Dirasat al-'Arabiyah al-'Aliyyah, 1958, m.s. 75.
6. Fyzee, A.A.A., *Qutlines of Muhammadan Law*, London: Oxford University Press, 1964, m.s. 112.
7. Ibid.
8. Fuad Ifran al-Bustaniy, *Munjid at-Tullab*, Beirut: Dar al-Mayriq, 1986.
9. *Encyclopedia of Islam* dalam tajuk Mut'ah m.s.774.
10. Penulis tidak bertujuan membincangkan dalil tentang keabsahan mut'ah secara tuntas.
11. Abu Zuhrah, *op.cit.*, m.s. 75.
12. Bagi mazhab-mazhab Maliki, Shafi'i dan Hanbali, tidak ada perbezaan antara kedua-kedua perkataan; nikah al-mu' aqqat dan nikah al-mut'ah. Sila lihat Abdul Rahman al-Jaziri, *Kitab al-Fiqh 'ala al-Madhahib al-'Arba'ah*, Juzuk 7, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1986, m.s. 90.
13. Bagi Zufar, nikah al-Mu' aqqat adalah apabila menggunakan lafaz "al-ziwaj" dan seumpamanya, manakala mut'ah pula adalah apabila perkataan "atamatta" digunakan.
14. Fyzee, A.A.A. *Qutlines of Muhammadan Law*, London: Oxford University Press, 1964, m.s. 112; Schact, J., *An Introduction to Islamic Law*, London: Oxford University Press, 1964, m.s. 163;
15. 'Permanent marriage' yang dimaksudkan di sini adalah sebagai kata lawan (opposite word) kepada perkataan 'Temporary Marriage'. Bukanlah diertikan sebagai satu perkahwinan tradisional yang kekal sebagaimana diamalkan oleh kaum Hindu umpamanya, yang tidak membenarkan perceraian dalam perkahwinannya.

16. Lihat Abu al-Qasim Gouji, *Temporary Marriage (Mut'ah) in Islamic Law*, (terj.), Qum: Ansariyah Publications, 1991, m.s. 32.
17. Ibid m.s. 38
18. Sarakhsi, op.cit, m.s. 153.
19. Ibid.
20. Lihat Shahla Haeri, *Law of Desire: Temporary Marriage in Iran*, Tauris, 1990, m.s. 60.
21. Abu Zuhrah, op.cit m.s. 75.
22. R.Smith, op.cit, m.s. 84.
23. Sila lihat beberapa Seksyen di dalam Undang-undang Keluarga Islam. Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, Seksyen 25.
24. Berdasarkan sebuah Hadis "al-Waladu li al- Firash wa li al-` Ahiri al-Haj", sila lihat ash-Shaukani, Nayl al-Autar, Juzuk 6, Cairo: Dar al-Hadis, m.s 279.
25. Husain Yusuf al-'Amili, *al-Mut'ah fi al-Islam*, Dar al- Andalus, 1958, m.s. 89.
26. Surah an-Nisa ayat 3 yang bermaksud "Dan jika kamu khawatir tidak dapat berlaku lurus terhadap anak-anak yatim itu, maka kahwinilah perempuan-perempuan yang kamu sukai, dua, tiga dan empat, tetapi jika kamu khawatir tidak dapat berlaku adil, hendaklah satu sahaja atau hamba sahaya kamu, itu lebih dekat kepada kelurusan."
27. Abdul Rahman al-Jaziri, op.cit, m.s. 518 dan Dr. Wahbah az-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islamiy wa Adillatuhu*, Juzuk 7, Damshik: Dar al-Fikr, 1989, m.s. 630.
28. Fyzee, A.A.A., op.cit, m.s. 115.
29. Walau bagaimanapun dalam Seksyen 9, Akta Perkahwinan Iran 1937 memperuntukkan seorang suami tidak kira dalam perkahwinan biasa mahupun mut'ah dikehendaki membayar nafqah kepada isterinya. Ini merupakan satu perubahan radikah daripada konsep mut'ah itu sendiri.
30. Fyzee, A.A.A, op.cit, m.s. 112 dan Encyclopedia of Islam dalam tajuk Mut'ah m.s. 776.
31. Al-Hurr al-'Amili, *Wasa'il asy-Syiah Tehran*: Maktabah al-Islamiyyah, m.s. 488.
32. as-Sayuti, *al-Ashbah wa an-Nazair*, Beirut: Dar al- Kutub al- 'Ilmiyyah, 1983, m.s. 123.
33. Abu Zuhrah, op.cit m.s. 76.
34. Lihat N.J. Coulson, *Succession in the Muslim Family*, Cambridge: University Press, 1971, m.s. 127.

35. Bagi golongan Ismaili mereka mengatakan bahawa mut'ah sama dengan zina. Lihat Fyzee, *The Ismaili Law of Mut'ah* dalam *Journal of Bombay Branch of Royal Asia Society*, 1932, m.s. 89.